

1978

ALOR SETAR, 25 FEB. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYARANKAN HARI INI SUPAYA KOPERASI-KOPERASI DAN BAZAR-BAZAR MELAYU CUBA MENCARIKAN KAWASAN-KAWASAN YANG POPULAR DI TENGAH-TENGAH BANDAR SEBAGAI TEMPAT PERNIAGAAN UNTUK BUMIPUTERA.

WALAU PUN AGAK SUKAR BAGI BADAN-BADAN TERSEBUT MENDAPATKAN TEMPAT-TEMPAT SEPERTI ITU DENGAN MURAH TETAPI KERAJAAN AKAN BERUSAHA UNTUK MEMBERIKAN BANTUAN YANG DIPERLUKAN, KATANYA.

INI ADALAH DISEBABKAN HANYA DENGAN MENJALANKAN PERNIAGAAN DI KAWASAN-KAWASAN YANG POPULAR DITENGAH-TENGAH BANDAR SAHAJALAH DAPAT PENIAGA-PENIAGA MELAYU MENCAPAI KEMAJUAN YANG LEBIH PESAT DALAM BIDANG PERNIAGAAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN KOMPLEKS PERNIAGAAN PEKAN RABU YANG BERTHARGA \$3.2 JUTA DI SINI.

DISAMPING ITU, KATANYA, PEKAN-PEKAN SEHARI HENDAKLAH DINAIKKAN TARAFNYA SEPERTI PEKAN RABU ITU UNTUK MENJADI TEMPAT MELATIH PENIAGA-PENIAGA KECIL MELAYU DALAM BIDANG PERNIAGAAN SERTA MENINGGIKAN LAGI TARAF PERNIAGAAN MEREKA.

MENYENTUH TENTANG PEKAN RABU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KOMPLEKS PERNIAGAAN PEKAN RABU MERUPAKAN LAMBANG HASRAT ORANG-ORANG MELAYU UNTUK MENINGKAT DALAM BIDANG PERNIAGAAN. — BERSAMBUNG 1441/AI

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

KOMPLEKS TERSEBUT DITADBIR DAN DIURUSKAN SENDIRI OLEH KOPERASI PEKAN RABU DAN RUANG-RUANG PERNIAGAAN DISEWAKAN KEPADA AHLI-AHLI DENGAN BAYARAN YANG MURAH.

KATANYA, CARA KUTIPAN YURAN YANG DIBUAT PADA TIAP-TIAP HARI PATUTLAH DIJADIKAN CONTOH OLEH SYARIKAT-SYARIKAT LAIN KERANA IA TIDAK MEMBEBAKANN PENIAGA-PENIAGA.

BELIAU PERCAYA KIRANYA KOMPLEKS ITU YANG TERLETAK DI TENGAH-TENGAH BANDAR INI TIDAK DIHADKAN KEPADA PENIAGA-PENIAGA MELAYU SAHAJA SUDAH PASTI BANYAK PENIAGA-PENIAGA BUKAN MELAYU AKAN CUBA MENDAPATKAN RUANG PERNIAGAAN DI SITU KERANA KOMPLEKS ITU TELAH MENJADI TUMPUAN PEMBELI-PEMBELI BUKAN SAHAJA DARI NEGERI INI BAHKAN JUGA DARI LAIN-LAIN NEGERI.

BELIAU TERUSNYA MENASIHATKAN PENIAGA-PENIAGA MELAYU SUPAYA BARANG-BARANG JUALAN MEREKA DISEDIAKAN DALAM BENTUK YANG LEBIH MENARIK BAGI MENDAPATKAN PERHATIAN YANG LEBIH DARIPADA PELANGGAN-PELANGGAN.

KATANYA, PENIAGA-PENIAGA TIDAK AKAN RUGI MENGELUARKAN PERBELANJAAN BAGI MENGHIASKAN BARANG-BARANG JUALAN MEREKA KERANA DENGAN BERBUAT DEMIKIAN PERNIAGAAN MEREKA AKAN LEBIH LARIS LAGI.

TERDAHULU DARI ITU, MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN BERKATA MARA TELAH MENYERAHKAN LEBIH \$36 JUTA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-3 BAGI MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEKNYA DI NEGERI INI. — BERSAMBUNG 1447/AI

### MAHATHIR 3 ALOR SETAR

JELASNYA PERUNTUKAN BESAR YANG DIBERIKAN KEPADA MARA KEDAH ITU BERTUJUAN MEMASTIKAN AGAR MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN AKAN TERCAPAI.

KATANYA, MARA TELAH BANYAK MEMBANTU KERAJAAN NEGERI MENYEDIAKAN BERBAGAI KEMUDAHAN UNTUK PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA KHASNYA ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA MEREKA DAPAT MENCAPAI TARAF EKONOMI YANG LEBIH TINGGI.

MENTERI BESAR JUGA BERKATA LAHAWA KERAJAAN TIDAK MELUPAKAN NASIB PENIAGA-PENIAGA KECIL. BERBAGAI KEMUDAHAN SEPERTI PEMBINAAN BANGSAL PERNIAGAAN DAN SEKIM PINJAMAN BASIKAL RODA TIGA TELAH DIBERIKAN KEPADA MEREKA.

BELIAU MENAMBAH, 79 PERATUS DARIPADA PERUNTUKAN BAGI PROJEK-PROJEK PENIAGA KECIL TAHUN LALU TELAH DIBELANJAKAN DENGAN JAYANYA.

SEMENTARA ITU, KETUA PENGARAH MARA DR. ABDUL AZIZ BIN HAJI MAHMUD, DALAM UCAPANNYA BERKATA MARA TELAH DIUNTUKAN SEJUMLAH 682 JUTA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-3 UNTUK RANCANGAN MENDIRIKAN BANGUNAN-BANGUNAN PERNIAGAAN DI SELURUH NEGARA.

DIANTARA PROJEK-PROJEK BESAR YANG SEDANG DAN AKAN DILAKSANAKAN TIALAH KOMPLEKS PERNIAGAAN TUJUH TINGKAT BERMARGA \$4.5 JUTA DI KOTA BARU, KOMPLEKS PERNIAGAAN BAHASAMA MARA DENGAN USA DI IPOH DIMANA MARA AKAN MEMBELANJAKAN 14.3 JUTA DAN KOMPLEKS PERNIAGAAN LIMA TINGKAT BERMARGA \$3.7 JUTA DI KUANTAN. — BERSAMBUNG 1452/A1

### MAHATHIR 4 ALOR SETAR

SETAKAT INI, KATANYA, MARA TELAH MELAKSANAKAN SEBANYAK 31 PROJEK BANGUNAN PERNIAGAAN YANG MENGANDUNGI 1,250 UNIT RUANG PERNIAGAAN DI SELURUH NEGARA DENGAN HARGA \$15 JUTA.

DI KEDAH, KATANYA, MARA TELAH MENDIRIKAN 59 UNIT RUMAH KEDAI DAN BAZAR DI KULIM, JITRA DAN PULAU LANGKAWI YANG TELAH MENBERI TEMPAT BERNIAGA YANG SELESA KEPADA PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA TEMPATAN.

DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA PULA, MARA AKAN MENDIRIKAN EMPAT PROJEK RUMAH KEDAI DAN 26 PROJEK BAZAR YANG MENELAN BELANJA HAMPIR \$4 JUTA DI SELURUH NEGERI KEDAH. — BERNAMA 1454/A1